

KONSISTENSI GLOBAL DAN SERANTAU DALAM PEMANTAUAN AUDIT

AOB terlibat secara aktif dalam usaha global dan serantau untuk meningkatkan kualiti audit melalui keahliannya dengan Forum Pengawal Selia Audit Bebas Antarabangsa (IFIAR) dan Kumpulan Pengawal Selia Audit ASEAN (AARG). Mesyuarat pleno dan bengkel yang diadakan setiap tahun menyediakan platform untuk perkongsian bersama mengenai isu-isu kawal selia yang muncul, cabaran yang dihadapi oleh profesion audit, pendekatan strategik terhadap kualiti audit yang mampan dan amalan terbaik kawal selia, termasuk perkembangan dalam teknik pemeriksaan dan penemuan lazim yang diperhatikan. Ia juga berfungsi sebagai platform bagi pengawal selia untuk melibatkan diri dengan kepimpinan global dan serantau enam firma Jawatankuasa Dasar Awam Global (GPPC) untuk membincangkan perkara berkaitan isu-isu dan inisiatif kualiti audit.

Selanjutnya, melalui keahliannya dalam Kumpulan Kerja Pelabur dan Pihak Berkepentingan Lain (IOSWG) IFIAR, AOB terus memanfaatkan pengalaman dan pengetahuan daripada bidang kuasa lain mengenai perkara yang berkaitan dengan perlindungan pelabur dan jangkaan terhadap kualiti audit.

BENGKEL AARG DAN KUMPULAN PEMANTAUAN PENYATA KEWANGAN (FSSG) 2024

AOB dan Jabatan Pengawasan Korporat SC bersama-sama menganjurkan Bengkel AARG-FSSG dari 27 hingga 29 Ogos 2024 di SC.

Bengkel ini bertindak sebagai platform kerjasama dan perkongsian pengetahuan antara ahli ASEAN IFIAR. Pengawal selia audit bukan AARG dari Hong Kong dan India juga dijemput untuk berkongsi kemas kini kawal selia dan pengalaman mereka.

Semasa bengkel selama tiga hari itu, perbincangan mendalam telah diadakan mengenai isu pengawalseliaan utama menggunakan kajian kes dari bidang kuasa masing-masing untuk mengenal pasti amalan dan inisiatif terbaik. Bidang tumpuan termasuk—

- konsistensi dalam pelaporan kewangan,
- pembangunan dan inovasi dalam aktiviti pemeriksaan dan pengawasan,
- pelaksanaan ISQM baharu dan pendekatan untuk semakan, dan
- strategi penguatkuasaan dan usaha untuk memacu penguatkuasaan kawal selia audit yang berkesan.

AARG juga mengadakan perbincangan dengan kepimpinan serantau rangkaian global firma audit.



AARG merupakan satu kumpulan pengawal selia audit dari rantau ini, iaitu AOB, Pusat Pembinaan Profesi Keuangan Indonesia (PPPK Indonesia), Pihak Berkuasa Kawal Selia Perakaunan dan Korporat bagi Singapura (ACRA Singapore), Suruhanjaya dan Bursa Thailand (SEC Thailand) dan Suruhanjaya dan Bursa Filipina (SEC Philippines).

AOB terus mengambil bahagian dalam acara dan libat urus yang berkaitan untuk berkongsi pandangannya dan menggalakkan amalan untuk mempertingkatkan kualiti amalan pelaporan kewangan dan kebolehpercayaan penyata kewangan teraudit PIE dan kumpulan wang jadual.



IFIAR ialah forum global bagi pengawal selia audit bebas untuk bekerjasama dan berkongsi pengetahuan dan pengalaman, dengan tumpuan kepada pemeriksaan juruaudit dan firma audit, ke arah menggalakkan konsistensi dalam aktiviti kawal selia audit di peringkat global. Hari ini, IFIAR mempunyai 56 ahli pengawal selia dari Afrika, Amerika Utara dan Selatan, Asia Pasifik, Eropah dan Timur Tengah.



Bengkel Pemeriksaan ke-18 IFIAR

Dianjurkan oleh Pihak Berkuasa Pengauditan & Perakaunan Ireland (IAASA), bengkel itu diadakan di Dublin dari 5 hingga 7 Mac 2024 dan dihadiri oleh lebih 150 peserta merentasi 46 bidang kuasa. Pegawai Pemeriksaan AOB membentangkan topik ‘Membina Semula Pendekatan Pemeriksaan Pengawal Selia / Perubahan dalam Model Penyeliaan’, berkongsi pandangan tentang perubahan semasa dan inisiatif masa depan mengenai pendekatan pemeriksaannya. Topik lain yang diliputi termasuk–

- instrumen dan teknik berautomasi yang diguna pakai dalam audit;
- pemeriksaan ke atas Penyemak Kualiti Tugasan (EQR);
- pemeriksaan ke atas audit bank dan insurans; and
- pemeriksaan awal pelaksanaan ISQM 1.



Mesyuarat Pleno IFIAR 2024

Mesyuarat pleno itu diadakan di Osaka, Jepun dari 16 hingga 18 April 2024 dan dihadiri oleh ahli IFIAR, pemerhati, pelabur dan pihak berkepentingan utama lain dari 48 bidang kuasa ahli IFIAR. Wakil-wakil penetap piawai turut hadir. Perbincangan tertumpu kepada perkembangan utama dan trend baru muncul dalam industri audit, termasuk–

- cabaran dalam mengatasi jurang jangkaan baharu dalam jaminan kemampuan;
- perubahan dalam audit yang timbul daripada penggunaan teknologi, khususnya penggunaan kecerdasan buatan (AI) dan AI generatif, dan
- perkembangan dalam tadbir urus firma audit dalam pelbagai bidang kuasa.



Webinar Pasukan Petugas & Kumpulan Kerja IFIAR

Sebagai tambahan kepada bengkel pemeriksaan, IFIAR mengadakan sesi webinar sepanjang tahun membincangkan isu-isu baru muncul dan perkembangan berterusan dalam bidang audit dan pemeriksaan, termasuk–

- pemeriksaan audit berkaitan kripto;
- menyediakan Pemantauan Pelaporan Jaminan Kemampuan; dan
- pengenalan kepada AI dalam audit dan pemantauan.

MENGALAKKAN PENGAWASAN BERKESAN JURUAUDIT DAN PROSES AUDIT

Jawatankuasa Audit (AC) memainkan peranan penting dalam menggalakkan pengauditan berkualiti tinggi melalui pengawasan mereka terhadap proses audit dan juruaudit. Setiap tahun, AOB berhubung dengan AC PLC melalui Perbincangan AOB dengan Jawatankuasa Audit untuk berkongsi aktiviti pengawasan dan pemerhatian AOB terhadap kualiti audit. Di samping itu, sesi ini juga merangkumi perkembangan terkini dalam ekosistem pelaporan kewangan.

Pada tahun 2024, perbincangan tertumpu kepada perkembangan terkini mengenai pelaporan kemampunan dan jaminan kemampunan. Penceramah, daripada PricewaterhouseCoopers PLT memberikan gambaran keseluruhan tentang keperluan *Rangka Kerja Pelaporan Kelestarian Kebangsaan (NSRF)* untuk membantu PLC menyediakan laporan kemampunan mereka dengan lebih baik menurut *Piawain Pendedahan Kemampunan IFRS*. Terdapat juga perkongsian tentang beberapa langkah praktikal yang boleh dimanfaatkan oleh organisasi ketika mereka memulakan perjalanan pelaporan kemampunan mereka. Langkah-langkah ini antara lain, termasuk mengenal pasti risiko dan peluang berkaitan kemampunan dan maklumat berkaitan untuk pendedahan, menilai maklumat penting untuk pendedahan dan dikemas kini tentang perubahan dalam perundangan, peraturan dan garis panduan.

AOB akan terus terlibat dengan AC PLC bagi memastikan mereka dimaklumkan dan sentiasa dikemas kini tentang perkembangan kerana pengawasan berkesan oleh AC yang berpengetahuan adalah penting untuk meningkatkan kualiti audit.



Sesi diadakan pada
19 November 2024



Dihadiri oleh 278 AC
daripada 249 PLC



LIBAT URUS BERSAMA KEPIMPINAN FIRMA AUDIT

Pada tahun 2024, Perbincangan AOB dengan Firma Audit merangkumi Firma Audit Utama dan Firma Audit Lain.. Libat urus berterusan bersama kepimpinan firma audit berdaftar ini membolehkan AOB memastikan kualiti audit kekal diberi keutamaan.

Perbincangan secara bersemuka membolehkan perkongsian terbuka pandangan dan cabaran yang dihadapi oleh juruaudit. Ia juga membolehkan AOB membuat keputusan sekiranya sebarang campur tangan kawal selia diperlukan dan menilai semula bidang keutamaannya.

Pengerusi SC, Dato’ Mohammad Faiz Azmi berkongsi pandangannya tentang pelaporan kemampanan dan keperluan terhadap jaminan kemampanan untuk meningkatkan kebolehpercayaan maklumat kemampanan. Profesion dimaklumkan untuk mengkaji pembangunan kapasiti dan mengembangkan kapasiti mereka dalam bidang kemampanan.

AOB berkongsi penemuan penting dan pemerhatian terhadap firma dan semakan tugas ketika pemeriksaan tahunan firma audit dan juruaudit. Di samping itu, terdapat juga perkongsian mengenai petunjuk kualiti audit utama untuk membangunkan dan menyokong bakat audit.



Perbincangan AOB bersama Firma Audit Utama dan Firma Audit Lain diadakan pada Julai 2024



Dihadiri oleh 81 juruaudit kanan daripada kepimpinan firma

